

PM bangga pencapaian jurutera muda kita

UM 13 JUN 2002

GENEVA 12 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyatakan rasa bangga dengan pencapaian jurutera muda Malaysia dalam projek pembuatan enjin pertama di Petronas Sauber tetapi mahukan lebih ramai rakyat yang berkebolehan seperti mereka bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Beliau berkata, jika Malaysia mempunyai ramai orang yang berkebolehan, berdedikasi dan sanggup belajar menguasai teknologi tinggi biarpun sukar, negara boleh mencapai kemajuan seperti negara Barat.

Menurut beliau, dengan keupayaan kejuruteraan sedemikian Malaysia bukan sahaja boleh membuat enjin kereta atau motosikal bahkan juga enjin kapal terbang.

Katanya, kejayaan sekumpulan 16 jurutera Petronas dalam projek tersebut seharusnya menjadi inspirasi kepada rakyat Malaysia.

“Tetapi jumlah mereka yang berkebolehan ini tidak mencukupi. Saya mahukan lebih ramai lagi

dan itulah antara impian saya,” katanya kepada wartawan Malaysia di Geneva malam tadi sebelum berlepas memulakan lawatan ke Luxembourg.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika diminta mengulas hasil lawatan selama tiga hari ke Switzerland termasuk kunjungan beliau ke Sauber Petronas Engineering (SPE) AG, syarikat milik 40 peratus Petronas di Hinwill bagi meninjau perkembangan projek pembuatan enjin berkenaan.

Sekumpulan 16 jurutera Malaysia terlibat dalam reka cipta dan proses pembuatan enjin E01 untuk kereta komersial, pembuatan enjin dan komponen motosikal superbike untuk Perlumbaan Kejohanan GP Dunia dan pembuatan dan pengeluaran minyak enjin dan pelincir.

Enjin E01 misalnya adalah yang terkini, lebih padat, lebih ringan dan berprestasi tinggi selain memenuhi standard Eropah dan alam sekitar.

Dengan pencapaian jurutera-jurutera muda itu, Petronas yang memiliki hak intelektual terhadap hasil penyelidikan dan pembangunan di SPE, akan

mengeluarkan secara komersial enjin kereta 1.8 liter dan 2.2 liter menjelang 2004 - selepas menghasilkan prototaip 2.0 liter berasaskan teknologi Formula 1 pada 1998.

Dr. Mahathir menambah, dengan jumlah besar terutama generasi muda yang berkemahiran tinggi dan berdedikasi Malaysia boleh menjayakan segera Wawasan 2020 untuk menjadi negara industri yang berjaya.

Katanya, semasa melawat SPE kelmarin, beliau dapat menilai kemampuan jurutera negara daripada cara mereka memberikan taklimat yang baik, idea-idea baru sehingga kepada komitmen dan keyakinan yang ditunjukkan.

“Mereka telah banyak belajar berkenaan reka cipta prototaip dan pembuatan enjin, penggunaan komponen dan semua aspek berkaitan. Kesemuanya berkaitan teknologi yang tercanggih,” katanya. — Utusan